

Headline	Kuota haji Malaysia 2015 kekal 22,320		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	18	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	254 cm <sup>2</sup>
Journalist	Irwan Shafrizan Ismail	AdValue	RM 8,756
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,267



# Kuota haji Malaysia 2015 kekal 22,320

» Arab Saudi utama penyelesaian jemaah berikutan kerja pembesaran Masjidil Haram

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
 ▀ Sepang

**K**uota jemaah haji Malaysia bagi tahun ini kekal 22,320 selepas Kerajaan Arab Saudi mengekalkan keputusan pengurangan kuota haji kepada semua negara disebabkan kerja pembesaran kawasan sekitar Masjidil Haram yang masih belum selesai.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata pengekalan kuota berkenaan dimaklumkan Menteri Haji Arab Saudi, Dr Bandar Hajar selepas mesyuarat bersama menteri berkaitan haji, kelmarin.

"Kerajaan Arab Saudi tetap dengan keputusan untuk mengekalkan pengurangan 20 peratus kuota haji bagi seluruh negara Islam yang ingin menghantar rakyatnya menunaikan ibadat haji pada tahun

## Pembesaran selesai 2016

"Pengurangan itu disebabkan Kerajaan Arab Saudi ingin mengutamakan penyelesaian dan keselamatan jemaah haji ketika kerja pembesaran Masjidil Haram sedang rancak dilakukan yang mana dijangka selesai tahun depan.

"Bagaimanapun, saya sudah menyampaikan surat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kepada Raja Arab Saudi, Raja Salman, yang memohon pertimbangan supaya kuota ditambah bagi memendekkan tempoh menunggu bakal jemaah haji Malaysia yang kini mencecah 1.7 juta orang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini sejurus tiba dari Jeddah, Arab Saudi, semalam.

Kuota asal jemaah Malaysia ialah 27,900 sebelum dikurangkan 20 peratus kepada 22,320 bermula tahun 2013

apabila kerja pembesaran Masjidil Haram dimulakan.

## Jaga disiplin

Mengulas lanjut pertemuan bersama Dr Bandar, Jamil berkata, Kerajaan Arab Saudi turut meminta jemaah haji tahun ini untuk menjaga disiplin bagi memastikan keselamatan terjamin dan pergerakan ibadat berjalan lancar tanpa sebarang gangguan.

"Kerajaan Arab Saudi melarang pembabit jemaah dengan mana-mana gerakan tidak kira sama ada Negara Islam (IS) atau usaha untuk melakukan demonstrasi sebaliknya mahu jemaah menumpukan kepada pelaksanaan ibadat haji," katanya.

Tambah beliau, Kerajaan Arab Saudi juga memuji kecekapan pengurusan dan pentadbiran jemaah Malaysia yang diuruskan Tabung Haji yang dilihat mereka wajar dijadikan penanda aras bagi dicontohi negara lain.

Headline	Kuota haji Malaysia 2015 kekal 22,320		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	18	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	254 cm <sup>2</sup>
Journalist	Irwan Shafrizan Ismail	AdValue	RM 8,756
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,267



“  
**Kerajaan  
Arab Saudi  
tetap dengan  
keputusan  
untuk  
mengkalkan  
pengurangan  
20 peratus  
kuota haji  
bagi seluruh  
negara Islam  
yang ingin  
menghantar  
rakyatnya  
menunaikan  
ibadat haji  
pada tahun ini”**

**Jamil Khir Baharom,**  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri